



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 160

AKTA MATAWANG MALAYSIA (RINGGIT), 1975

Tarikh Persetujuan Diraja 21hb Ogos, 1975

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 28hb Ogos, 1975

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 160

AKTA MATAWANG MALAYSIA (RINGGIT), 1975

Suatu Akta bagi menukar nama yunit matawang Malaysia dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Matawang Malaysia (Ringgit), 1975. Tajuk ringkas.

2. (1) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 adalah dengan ini dipinda— Pindaan. 61/58.

(a) dengan menggantikan seksyen 18 dengan seksyen baru 18 yang berikut—

“Unit of currency. 18. (1) The unit of currency in the Federation shall be the ringgit, which shall be divided into one hundred sen.

(2) Upon the coming into force of this section, every contract, sale, payment, bill, note, instrument and security for money and every transaction, dealing, matter and thing whatsoever relating to money or involving the payment of, or the liability to pay, any money which but for this subsection would have been deemed to be made, executed, entered into, done and had for, in and in relation

to Malaysian dollars shall be deemed instead to be made, executed, entered into, done and had for, in and in relation to ringgit.”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Malaysian dollar”, “Malaysian dollars”, “dollar” dan “dollars” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan “ringgit”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “cents” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan “sen”.

(2) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, semua rujukan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Malaysian dollar dan cent hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai ringgit dan sen.

Pindaan.
23/67.

3. Seksyen 3 Akta Tafsiran, 1967 adalah dengan ini dipinda—

(a) dengan memotong takrif-takrif “dollar” dan “cent”;

(b) dengan memasukkan takrif “ringgit” yang berikut selepas sahaja takrif “residency”—

‘“ringgit” means a ringgit in the currency of Malaysia;’; dan

(c) dengan memasukkan takrif “sen” yang berikut selepas sahaja takrif “sell”—

‘“sen” means a sen in the currency of Malaysia;’.